



BAB KETIGA

TEORI 'UMRAN IBN KHALDUN : PEMBINAAN DAN
KEJATUHAN PERADABAN MANUSIA

BAB KETIGA : TEORI ‘UMRAN IBN KHALDUN : PEMBINAAN DAN KEJATUHAN PERADABAN MANUSIA.

3.0 PENGENALAN

Ibn Khaldun merupakan tokoh pemikir Islam yang unggul dan ulung. Idea-idea beliau yang dicernakan pada zaman pertengahan lagi dianggap setanding dengan idea para sarjana barat. Beliau sering kali menjadi objek perbandingan oleh para sarjana kontemporari dengan tokoh-tokoh ilmuan barat, seperti Bodin, Machiavelli, Vico (1), Hegel, Herbert Spencer, dan lain-lain. Malah, tidak keterlaluan dikatakan bahawa ramai sarjana barat yang menceduk idea dan pandangan beliau yang bernas itu. Sumbangan beliau terhadap aspek manusia, masyarakat dan bangun jatuhnya peradaban tidak boleh dipandang sepi. Beliau merupakan tokoh awal yang membuat kajian secara perbandingan saintifik dan mengemukakan teori mengenai bangun jatuhnya peradaban manusia. Sumbangan besar ini menyebabkan beliau diterima umum sebagai pengasas *ilm al-‘umran* atau dikenali juga sebagai ‘sains peradaban manusia’, yang mendahului kira-kira lima ratus tahun perkembangan ilmu sosiologi di Eropah.

Untuk lebih memahami teori ‘*umran*’ yang telah diketengahkan oleh tokoh tersohor ini, adalah lebih baik diteliti secara sepintas lalu tentang elemen-elemen yang mempengaruhi perkembangan intelektual dan pembentukan teori-teori beliau, iaitu latar belakang kehidupan yang meliputi pendidikan dwidimensi yang diterimanya iaitu bidang keagamaan dan falsafah, pengalaman kerjayanya, dan suasana politik yang memberikan peluang kepadanya membuat tafsiran yang lebih realistik terhadap realiti sosial.

3.1 RIWAYAT HIDUP IBN KHALDUN

3.1.1 Biografi Ibn Khaldun Peringkat Pertama

Ibn Khaldun, sebagaimana yang dicatatkan oleh beliau sendiri ialah ‘Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad ibn al-Hassan ibn Muhammad ibn Jabir ibn Muhammad ibn Ibrahim ibn ‘Abd Rahman ibn Khaldun (Ibn Khaldun, 1979:3). Anak kelahiran Tunisia ini diberikan gelaran *Wali al-Din*, merujuk sumbangan intelektual dan peranan beliau sebagai '*Guardian of Religion*' (Mohd. Nasir & Muda @ Ismail, 1998:3).

Kelahiran beliau di dalam sebuah keluarga bangsawan yang mengabdikan diri di dalam dunia kesarjanaan dan penulisan dan ditambah pula dengan kedudukan Tunisia sebagai pusat penataran ilmu terpenting di utara Afrika pada ketika itu telah membuka peluang baginya untuk mempelajari pelbagai bidang keilmuan di bawah bimbingan tokoh-tokoh ilmuan Islam tempatan dan luar negara. Pencerobohan golongan Marinad yang membawa masuk sejumlah besar golongan sarjana terkemuka banyak mempengaruhi perkembangan intelektual beliau. Sikap dahaga akan ilmu pengetahuan menjadikan kehadiran mereka sebagai suatu aset yang amat bernilai.

Beliau menghafal al-Quran di bawah pengawasan Muhammad bin Sa’ad bin Burrail dan memantapkan sastera persajakan di bawah asuhan Muhammad bin Bakr. Beliau turut mempelajari bahasa Arab di bawah bimbingan bapanya dan beberapa orang tokoh lain, seperti Muhammad bin al-‘Arabi al-Husa’in, Muhammad bin ash-Shawwash az-Zarzali dan Ahmad bin al-Qassar. Manakala, ilmu hadith dan sekah pula dipelajari daripada ulama-ulama Tunisia yang terkemuka seperti Shams-al-Din Muhammad bin Jabir bin Sultan al-

Wadiyashi, Muhammad bin Abdullah al-Jayyani dan Muhammad bin Abd-as-Salam al Hawwari (Syed Omar, 1997:5) .

Beliau turut mendalami tradisi keilmuan yang diwarisi daripada pemikir Greek, iaitu Aristotle dan Plato serta pemikir Islam, al-Farabi. Sumber ilmu utama yang dimilikinya diperkaya lagi dengan catatan oleh pengembara-pengembara Islam, sejarah perkembangan dan kejatuhan beberapa buah kerajaan Islam di Timur Tengah dan pengalaman berhijrah ke beberapa buah negara. *'But in point of fact he continued to add to his knowledge from whatever source came in his way right up to the end of his life'* (Sherwani, 1970:71).

3.1.2 Biografi Ibn Khaldun Peringkat Kedua

Peringkat kedua kehidupan beliau diwarnai dengan penghijrahan satu tempat ke satu tempat dan penglibatan politik beliau dalam pentadbiran negara di Tunisia, Maghribi, dan Andalus. Ibn Khaldun lahir ketika suasana politik sedang bergolak. Masyarakatnya pada masa itu berhadapan dengan perang demikian perang, komplot-komplot untuk menjatuhkan kerajaan dan pertukaran dinasti yang memerintah silih berganti. Keadaan ini menyebabkan karier politik beliau agak tidak menentu. Perkhidmatan dan kesetiaan beliau sering bertukar ganti dari satu kuasa pemerintahan kepada yang lain.

He lived in a society dominated by war, intrigue, and endless changes of dynasties and rulers. His own fate as a political official with many ups and downs of fortune gave him unusual opportunities for analyzing the events around him and organizing his observations and formulating his theories.

(Mi'raj, 1980:195)

Ibn Khaldun berhijrah ke Fez untuk berkhidmat dengan Sultan Abu ‘Inan selepas meninggalkan Tunisia. Kehidupan di Fez memberikan pengalaman yang amat berguna dan bernilai kerana berkesempatan menghadiri pertemuan para sarjana yang membuka peluang beliau untuk bertemu dengan sarjana yang terkemuka seperti al-Maqqari dan al-Ballafiqi. Sewaktu berkhidmat di Fez, beliau pernah dipenjarakan kerana disyaki berpakuat untuk menjatuhkan kerajaan yang memerintah.

Ibn Khaldun membawa diri ke Granada selepas dibebaskan. Apabila menyedari kehadiran beliau di sana tidak disenangi oleh Ibn al-Khatib, Perdana Menteri ketika itu disebabkan pengaruh beliau yang semakin meluas, beliau berhijrah ke Bougie, Afrika. Ketidakstabilan yang melanda Afrika iaitu penawanan bandar Bougie telah memaksa beliau untuk kembali sekali lagi ke Granada. Selepas beberapa tahun menetap di Sepanyol, beliau akhirnya kembali ke Afrika serta menetap di Qal’at Ibn Salama.

Minat beliau yang mendalam terhadap bidang akademik dan kesarjanaan memaksa beliau bersara daripada kesemua jawatan politik dan pentadbiran. Dalam masa empat tahun (1374-1377) beliau mengabdikan diri menulis *Kitab al-'Ibar*. Manakala, dalam jangka waktu yang begitu singkat iaitu kira-kira lima bulan, sebuah lagi karya agung beliau *Muqaddimah* (2) berjaya disiapkan yang bukan sekadar merupakan hasil penyelidikan saintifik beliau, tetapi juga pengalaman politik yang telah dilalui (Heinrich Simon, 1978:29).

Beliau kemudiannya berhijrah ke Mesir ketika berumur lebih kurang lima puluh tahun. Kedatangan beliau di Mesir diterima baik oleh penduduk di sana yang telah mengenali beliau melalui reputasi politik dan karya-karya unggul beliau. Ketokohan yang dimilikinya memberikan peluang kepada beliau untuk menjawat beberapa jawatan penting di bawah

pemerintahan Sultan Barquq. Beliau meninggal dunia di Mesir pada 17 Mac 1406 setelah menetap di sana selama lebih kurang dua puluh tiga tahun.

Segala peristiwa yang dihadapinya termasuklah kekacauan, pergolakan politik, dan komplot-komplot menentang kerajaan banyak diceritakan di dalam *Muqaddimah*, terutamanya Bab Tiga. Di dalam bab ini beliau menghuraikan undang-undang sosial yang mengawal kelahiran, perkembangan, dan kejatuhan dinasti-dinasti dan peradaban manusia. Masa depan politik beliau juga dipenuhi dengan bangun jatuh yang membuka peluang kepada beliau menganalisa peristiwa-peristiwa yang berlaku dan seterusnya menformulasikan teori '*umran*' beliau yang diguna pakai sehingga hari ini.

Ketokohan Ibn Khaldun dalam lapangan politik dapat dilihat melalui kepelbagaiannya jawatan yang pernah disandangnya. Antaranya ialah :

- i) *Sahib al-'Alamah* yang dilantik oleh Sultan Tunisia, Sultan Abu Ishaq II (1350).
- ii) Setiausaha Sultan Abu 'Inan di Fez, Maghribi (1355).
- iii) Setiausaha Sulit Sultan Abu Salim, Fez (1358).
- iv) Ketua delegasi Sultan Muhammad ke-V Granada bagi memeterai perjanjian perdamaian dengan pemerintah Kristian, Pedro di Seville, Sepanyol (1362).
- v) Perdana Menteri (*hajib*) Sultan Abu 'Abdullah Muhammad di Bougie (1365-1356).
- vi) Ketua Qadi Mazhab Maliki sebanyak enam kali antara tahun 1384 – 1402).
- vii) Pensyarah dan profesor dalam bidang falsafah, sosiologi, hadith, dan fekah Imam Malik di beberapa buah institusi pengajian tinggi, seperti al-Azhar, Kolej Qamhiyya dan Kolej Barquqiyyah.

3.2 ‘UMRAN : RUKUN PENTING DALAM PEMIKIRAN IBN KHALDUN

3.2.1 Takrif ‘Umran

Ibn Khaldun memperkenalkan konsep ‘*umran* yang berasal daripada kata kerja tiga huruf ‘*a-ma-ra*, *ya’muru*, ‘*imaratan* dengan kata jamak ‘*umuran* dan ‘*umranan* yang bererti untuk tinggal lama, untuk berkembang dengan subur, bertambah maju, makmur, didiami, diduduki, beradab, dan berbudi bahasa. Perkataan ‘*umran* sebagaimana yang ditekankan oleh Ibn Khaldun merujuk proses ke arah kemajuan yang dicapai oleh manusia menerusi kerjasama dan usaha serta perjuangan. Ia jelas memperlihatkan kemakmuran dan ketinggian tahap kehidupan yang dicapai oleh sesebuah komuniti yang mencakupi pelbagai lapangan. Manakala, Ismail al-Faruqi sebagaimana yang dipetik oleh Ismail Bakar (1999:12) mencadangkan perkataan ‘*umran* adalah seerti dengan ‘*imran* seperti yang terdapat di dalam al-Quran, iaitu menekankan unsur-unsur kemakmuran.

Dalam *Muqaddimah* terdapat beberapa petikan mengenai pengertian ‘*umran*. Ibn Khaldun memulakan dengan penjelasan bersifat ringkas dan umum sehingga yang bersifat kompleks.

*True history is history of human society, that is, of world ‘umran, and of the natural aspects of this ‘umran such as savagery (*tawahhush*) and sociability (*ta’annus*): of people’s ‘asabiyyah , their various kinds of *taghallubat* (dominations) over their fellow men, and of the *mulk* (kingship) and dynasties that arise therefrom: of people’s labor and strivings, their *kasb* (gainful activity) and their livelihood, their crafts and science, and all the other natural aspects of ‘umran.*

(Rosenthal, 1958, I:71)

The general rule (qanun) in distinguishing the sound from the spurious, the likely from the unlikely, in historical information, is to investigate human social organization (al-ijsima' al-bashari) which is the 'umran; to distinguish the essential conditions that are natural to it from those which are merely accidental and insignificant , or from those which are not likely to happen to it...In a way , this is an independent science. Its subject matter is the human 'umran and human society (al-ijsima' al-insani). The question it deals with are those of explaining the essential conditions of 'umran, one after the other...

(Ibid., 1:77)

Daripada petikan-petikan di atas jelas bahawa konsep '**umran**' yang diketengahkan oleh Ibn Khaldun memberikan konotasi peradaban yang dikonsepsikan sebagai 'organisasi sosial'. Konsep '**umran**' ini adalah sangat kompleks dan sukar untuk diterjemahkan kepada mana-mana istilah dalam bahasa Inggeris, Perancis, dan bahasa-bahasa utama dunia. A.L. Tibawi (1959:79-81), seorang pengkritik terjemahan Rosenthal terhadap *Muqaddimah* menyenaraikan beberapa istilah penting yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun yang sukar untuk diterjemahkan, terutamanya konsep '**umran**' dan '**asabiyyah**'.

3.2.2 Konsep '*Umran*'

Fernand Braudel (1995:11) dalam usahanya mendefinisikan konsep peradaban menyatakan bahawa 'peradaban sebagai penempatan geografi', 'peradaban sebagai komuniti manusia', dan 'peradaban sebagai satu aliran pemikiran'. Walaupun Braudel telah mengemukakan satu bentuk pengertian terhadap konsep tersebut, ia memberikan sumbangan yang begitu terhad terhadap mekanisme bangun jatuhnya sesebuah peradaban. Ibn Khaldun telah menyumbangkan satu bentuk kefahaman yang ringkas tetapi amat mendalam mengenai konsep tersebut. Konsepsi peradaban dalam wacana pemikiran beliau mencakupi ruang lingkup yang agak khusus berbanding pengertian yang wujud pada hari ini dengan

membuat perbandingan antara peradaban rendah (*'umran badawi'*) dan peradaban tinggi (*'umran hadari'*).

Tumpuan kajian beliau ialah mengenai kehidupan masyarakat primitif yang berpindah-randah, ciri kehidupan masyarakat yang berperadaban tinggi, ciri-ciri kepimpinan kedua-dua peradaban, dan corak pemerintahan atau kerajaan termasuk sistem khalifah. Beliau turut mengenangkan faktor-faktor pembinaan dan kejatuhan peradaban manusia. *Muqaddimah* secara umumnya merupakan satu kajian yang terperinci mengenai peradaban manusia. Namun, penjelasan beliau mengenai konsep tersebut memerlukan seseorang itu berkeupayaan untuk memahami bahasa Arab dan sejarah peradaban Islam.

Thus 'umran acquires a central and most important key position in the new synthesis of Ibn Khaldun. Not only does it become the subject matter of an entirely new and separate disciplin , but it also creates a new point of departure, a new perspective to which all other concepts and ideas expounded in the Muqaddimah are ultimately referred and linked.

(Firzly, 1973:169)

Ibn Khaldun membicarakan mengenai manusia sebelum memperkatakan mengenai masyarakat dan peradaban kerana manusialah yang membentuk kedua-duanya. Beliau bermula dengan menyatakan '*man is political by nature ...*' (Rosenthal, 1958, I:89). Perkataan '*political*' di sini merujuk '*town*' atau '*polis*' yang merupakan sebuah organisasi sosial. Ini bererti manusia sebagai makhluk sosial tidak boleh hidup seorang diri tetapi memerlukan kerjasama daripada individu-individu lain untuk meneruskan kehidupan. Oleh itu, '*umran* perlu kepada manusia kerana ia memenuhi kehendak dan keperluan asas, iaitu makanan dan minuman, persahabatan dan perlindungan, kemudian berkembang secara

beransur-ansur untuk penghidupan yang lebih baik. Adalah jelas bahawa '*umran*' adalah identikal kepada peradaban manusia.

Masyarakat perlu membekalkan individu dengan suasana kedamaian dan kemesraan bagi membolehkan manusia mengguna pakai pemikiran dan akal yang telah dianugerahi Allah S.W.T. Memandangkan manusia mempunyai tendensi kebinatangan yang menjuruskannya ke arah sifat agresif, satu bentuk kerajaan yang dipimpin oleh orang yang berkedudukan tinggi dan berwibawa (*wazi'*) diperlukan. Pemerintah yang dipilih adalah untuk mencegah manusia daripada menyerang antara satu sama lain dan merealisasikan satu bentuk penghidupan sosial. Namun, asas atau dasar kepada terbentuknya organisasi sosial ini adalah semangat '*asabiyyah*' yang diperkuat dan diperteguh oleh kesedaran beragama. Semangat '*asabiyyah*' dan kesedaran beragama merupakan prasyarat utama bagi sebuah komuniti untuk membina sebuah peradaban.

i) '*Asabiyyah*

Kebanyakan sarjana yang mengkaji pemikiran Ibn Khaldun berpendapat bahawa '*asabiyyah*' merupakan satu istilah atau konsep yang sangat kompleks (Indriaty, 1998:70). Ibn Khaldun telah menformulasikan konsep ini dalam bentuk baru yang berlainan daripada tanggapan umum yang bersifat negatif. Konsep ini telah diterjemahkan kepada beberapa istilah, seperti 'semangat kekitaan', *esprit de corps*, *social solidarity* dan *group feeling* (3). Konsep ini juga mempunyai banyak persamaan dengan konsep solidariti mekanis dan solidariti organis yang diperkenalkan oleh Emile Durkheim dan *Gemeinschaft* dan *Gesellschaft* yang diperkenalkan oleh Tonnies.

Menurut Mircea Eliade dalam *The Encyclopedia of Religion* (1987:393), konsep ‘*asabiyyah* merupakan pusat kajian dan analisis Ibn Khaldun mengenai peranan agama dalam bangun jatuhnya sebuah dinasti atau peradaban. Beliau berulang kali menekankan bahawa ‘agama tanpa ‘*asabiyyah* yang kuat tidak efektif dan ‘*asabiyyah* tanpa agama tidak akan berguna’. Antara kedua-duanya, wujud satu hubungan timbal balik apabila agama memperkuuh kekuatan ‘*asabiyyah*, manakala ‘*asabiyyah* adalah dasar perkembangan seruan agama.

‘*Asabiyyah* juga merupakan landasan pelbagai perubahan sosial dan pertumbuhan negara. Menurut Ibn Khaldun, manusia berpotensi untuk menjadi baik dan jahat. Kejahatan di dalam diri manusia berlaku kerana sifat kebinatangan yang wujud, manakala kebaikan pula kerana keterlibatannya dengan manusia lain. Ini bererti semakin kukuh keterikatan manusia di dalam komunitinya akan merangsang sifat sosialnya dan membekukan sifat kebinatangannya.

Apabila ‘*asabiyyah* sesuatu komuniti itu bertapak dengan kukuh, mereka akan berusaha untuk mendominasi komuniti lain. Serangan dan penaklukan ke atas ‘*asabiyyah* yang lebih lemah akan terbentuk. Keadaan sebegini akan berterusan sehingga ‘*asabiyyah* berjaya membentuk kedaulatan negara dan seterusnya peradaban. Namun, apabila negara tertegak utuh sekian lama dan kepimpinan bertukar ganti, ‘*asabiyyah* semakin luntur lalu hilang peranannya.

ii) Kesedaran Beragama

Peranan agama dalam memantapkan sesebuah peradaban merupakan satu lagi agenda utama perbincangan Ibn Khaldun di dalam *Muqaddimah*. Agama adalah penggerak yang amat efektif ke arah kewujudan rasa kesamaan, keharmonian pergaulan, hormat-menghormati, serta tolong-menolong. Ia memandu manusia ke arah kesatuan jiwa dan kekuatan, terutamanya pada tahap-tahap permulaan pembentukan sesebuah negara. Seluruh anggota masyarakat terpaut pada satu ikatan kasih sayang dan persaudaraan seagama. Dalam proses memantapkan dan menstabilkan peradaban, agama harus dikembangkan sehingga terbentuknya satu penghayatan yang mantap bagi rakyat keseluruhannya (Sirojuddin Aly, 1998:61). Oleh itu, pegangan agama merupakan unsur penting dalam pembinaan sesebuah peradaban. Malah, penghayatan terhadapnya menjamin kelangsungan hayat sesebuah peradaban untuk berdiri kukuh dalam jangka waktu yang lama.

Ibn Khaldun juga membezakan antara dua bentuk '*umran*', iaitu '*umran badawi*' dan '*umran hadari*'. '*Umran badawi*' merupakan hasil daripada produktiviti keperluan asas, manakala '*umran hadari*' adalah hasil daripada produktiviti barang-barang mewah dan berharga. Dengan bertambahnya jaminan keselamatan dan kebebasan, masyarakat melibatkan diri dalam persaingan serta aktiviti-aktiviti ekonomi. Sebagai hasilnya, '*umran*' berkembang dan meningkat. Kerajaan menambahkan hasil pendapatan menerusi pungutan cukai. Untuk itu, kerajaan harus memastikan keadilan tertegak di kalangan penduduk. Walau bagaimanapun, kehidupan di bandar amat mudah. Oleh itu, Ibn Khaldun memberi peringatan bahawa mereka akan mudah terjebak di dalam tabiat bermewah-mewah dan sentiasa mencari kesenangan. Lantas, jiwa mereka akan dicemari kejahatan dan kerosakan

serta korupsi. Seandainya ini berlaku, aktiviti perkembangan dan pengeluaran ekonomi akan terencat. Kelekaan terhadap kemewahan dan budaya bersenang-lenang secara perlahan-lahan menamatkan usia sesebuah peradaban yang terbentuk (Rosenthal, 1958, I:250 ; II:286).

3.2.3 Peringkat-peringkat Perkembangan ‘Umran

Menurut Ibn Khaldun, setiap satu benda di alam ini tertakluk kepada aturan kelahiran, perkembangan dan kematian (4). ‘*Tiap-tiap sesuatu pasti binasa, kecuali Allah*’ (28:88). ‘*Everything then, in this world, is in a state of flux; a continuous process of coming into being, changing, transforming, and eventually decaying*’ (Firzly, 1973:103). Berdasarkan pemerhatian beliau terhadap kebangkitan dan kejatuhan beberapa buah kerajaan, beliau berjaya mengenal pasti perkembangan peradaban manusia berdasarkan analogi pusingan hayat mikrokosmos, iaitu manusia.

We have shown before that mulk and dynasty are the end towards which ‘asabiyyah moves, and that hidarah is the end for bidawah, and that ‘umran, be it rural or urban, including the ruler and his subjects, has a concrete life ('umran mahsus , just as any individual creature has a concrete life span.

(Rosenthal, 1958, II:291)

Ibn Khaldun menyatakan bahawa setiap peradaban melalui lima peringkat perkembangan yang merentasi tiga fasa atau generasi (*ajyal*) yang setiap satunya mempunyai jangka hayat kira-kira empat puluh tahun (5). Menurut Ibn Khaldun, setiap peringkat berbeza di antara satu sama lain dengan karektor dan corak hidup manusia yang turut berbeza. Di setiap peringkat, budayanya akan bertambah maju berbanding peringkat sebelumnya, namun dari

aspek politik, kekuasaan dan kekuatan akan menjadi semakin lemah (al-Mudamgha, 1971:223).

He traces the development of society and state on the analogy of the life cycle of the microcosm, the human individual. As the human individual is born, grows young, attains adulthood, passes into dotage and then dies; the state also goes through the corresponding five stages; birth, growth, peak, decline and fall, within three generations of fourty years each.

(Mi'raj, 1980:197)

Peringkat pertama merupakan pembinaan dan pengambilalihan kuasa politik daripada dinasti sebelumnya. Ia juga merupakan peringkat kelahiran sesebuah dinasti atau peradaban. Pemerintah muncul sebagai contoh dan teladan kepada rakyatnya. Beliau bersikap adil dan saksama dalam mempertahankan hak milik rakyatnya. Beliau juga menyesuaikan diri dengan sentimen dan kehendak rakyat serta berkongsi kuasa dengan mereka. Selain itu, semangat '*asabiyah*' pada peringkat ini adalah penuh bertenaga.

Peringkat kedua pula ditandai oleh usaha pemerintah untuk memonopoli kuasa dan menubuhkan kuasa mutlak raja. Raja berusaha dengan keras untuk menghalang sanak-saudaranya daripada merampas kuasa atau melibatkan diri dalam pemerintahan kerajaan. Pemerintahan kuku besi yang dilaksanakan berjaya menewaskan musuh-musuhya (Rosenthal, 1958, II:114). Pada peringkat ini kekuatan semangat '*asabiyah*' mula menunjukkan tanda-tanda awal kegoyahan.

Peringkat ketiga bermula apabila pemerintah berjaya memonopoli kuasa dan dibelenggu dengan ketamakan terhadap kuasa, negara memasuki peringkat kemewahan dan kesenangan (Ibid., I:354). Pemerintah memperkenalkan sistem cukai bagi menampung

perbelanjaan negara yang semakin meningkat. Pendapatan yang meningkat membolehkannya berbelanja dengan boros. Golongan pemerintah dan rakyat mula mengubah cara hidup kepada bermewah-mewah. Peringkat ini merupakan masa untuk memuaskan kehendak nafsu.

Peringkat keempat pula muncul apabila mencapai kemuncak kegemilangan dan kemasyhuran, negara atau peradaban memasuki peringkat seterusnya iaitu keamanan dan kedamaian. Pemerintah berpuas hati dengan apa-apa yang telah dibina oleh pemerintah terdahulu. Beliau meniru gaya hidup pemerintah sebelumnya untuk menikmati kesenangan hidup, melupai perjuangan dan susah payah yang dilalui untuk menikmati keadaan damai tersebut. Beliau berpuas hati dengan apa yang telah dicapai dan percaya bahawa kemewahan hidup dan peradaban yang terbentuk tanpa memerlukan usaha yang gigih.

Peringkat kelima merupakan peringkat pembaziran dan pemberoran. Hasil mahsul negara digunakan untuk tujuan keseronokan dan hiburan. Pemerintahan kerajaan dikendalikan oleh para pegawai yang tidak berkebolehan dan berkeperibadian buruk. Pemerintah juga berusaha meminggirkan para pengikut pemerintah sebelumnya yang berkelayakan. Tindakan ini mengakibatkan timbul rasa benci dan tidak puas hati serta mendorong mereka untuk tidak memberikan sokongan kepadanya. Di samping itu, pemerintah juga mengabaikan hal ehwal pentadbiran negara, mengenakan cukai yang melampaui batas dan tidak membayar gaji kepada golongan tentera.

Apabila kemewahan sampai ke peringkat kemuncak, ia akan merosakkan masyarakat, melemahkan fizikal dan mengakibatkan keruntuhan moral. Semangat '*asabiyah*' yang dipupuk di peringkat awal telah hilang peranannya. Pada peringkat ini, peradaban dilanda

penyakit yang begitu kronik dan tidak dapat dirawati lagi. Lantas, peradaban menjadi mangsa keganasan dalaman dan luaran. Kemusnahan melanda peradaban tersebut dan digantikan dengan sebuah peradaban baru. '*Bagi tiap-tiap masa ada Kitab (yang tertentu)*' (13:38) dan bagi setiap negara ada batas waktunya.

3.3 FAKTOR-FAKTOR KEJATUHAN PERADABAN MANUSIA

Ibn Khaldun bukan sekadar membincangkan kaedah dan mekanisme perkembangan peradaban manusia, bahkan juga menghidangkan kepada kita elemen-elemen yang membawa kepada runtuhnya sesebuah peradaban. Sesebuah dinasti atau peradaban tidak akan runtuh atau mati secara mengejut, tetapi berlaku secara beransur-ansur. Pada detik sesebuah negara itu dibentuk, ia mula menjelaki dan merentasi jalan menuju ke destinasi terakhir, iaitu kejatuhan dan kematian.

Dengan kata lain, sesebuah negara secara semula jadi membawa bersama-samanya benih-benih kemusnahan sendiri semenjak detik awal kelahirannya. Sebagaimana yang telah disebutkan, golongan pemerintah secara lumrahnya, menuntut '*all glory for for itself and goes in for luxury and prefers tranquility and ease*' (Ibid., I:336). Kualiti-kualiti ini merupakan potensi yang wujud di dalam sesebuah negara, namun apabila potensi-potensi ini berubah menjadi kenyataan, peradaban tersebut berhadapan dengan kelemahan (Ibid., I:339-343).

Since the life of civilization is coexistensive with that of the state, civilization disintegrates and declines with the disintegration and decline of the state. Differently

worded, the causes that lead to the decline of the state are themselves the causes that lead to the decline of civilization.

(al-Mudamgha, 1971:240)

Apabila kelemahan ini melanda sesebuah peradaban, ia tidak dapat lagi diubati dan dielakkan menyerupai kelemahan yang melanda semua benda hidup. Walaupun ada sesetengah pemerintah menyedari kelemahan yang melanda negara dan berusaha untuk merawatnya melalui reformasi sosial, ia sudah terlewat dan sukar mendatangkan hasil. Ini kerana kelemahan tersebut merupakan fenomena semula jadi yang tidak akan berubah.

It is natural for the causes of senility to affect the dynasty ... If, then, senility is something natural in (the life of) the dynasty, it must come about in the same way natural things come about, exactly as senility affects the temper of living beings. Senility is a chronic disease that cannot be cured or made to disappear because it is something natural, and natural things do not change.

(Rosenthal, 1958, II:117)

Apabila sesebuah peradaban menuju ke akhir hayatnya, kadangkala ia tiba-tiba menunjukkan kuasa seolah-olah kelemahan yang wujud telah dapat diatasi. Namun, keadaan sebegini hanyalah bersifat kebetulan dan sementara. Ibn Khaldun menggambarkan keadaan ini sebagai '*it lights up brilliantly just before it is extinguished, like a burning wick the flame of which leaps up brilliantly a moment before it goes out, giving the impression it is just starting to burn, when in fact it is going out*' (Ibid., II:118).

Terdapat dua faktor yang membawa kejatuhan sesebuah peradaban, iaitu faktor dalaman luaran.

3.3.1 Faktor-faktor Dalaman

i) Kezaliman dan Ketidakadilan

Ibn Khaldun memperkenalkan konsep kezaliman (*zulm*) dan ketidakadilan. Pada beliau, berleluasanya kezaliman dan ketidakadilan adalah penyumbang paling utama kepada keruntuhan sesebuah peradaban. Di bawah tajuk '*Zulm brings about the ruin of 'umran'*' beliau menjelaskan '*know that the violation ('udwan) of people's property kills their hopes (amal) of earning and acquiring it, for they realize it would only end*' (Ibid., II:103).

Do not think that zulm consists only, as it is generally held, of taking away property from their owners without cause or compensation. Whoever seizes someone else's property, or forces work on him, make unjust claims or imposes an obligation not required by the Shariah, he has actually oppressed him (fasad Zalamah). Those who collect unjust taxes are oppressors (zalamah). Those who plunder property are oppressors. In consequences the government suffers, because 'umran is ruined due to loss of people's hopes.

(Ibid., II:106-107)

Oleh itu, kezaliman dan ketidakadilan dikategorikan sebagai penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan harta orang lain, menggunakan buruh paksa dan menafikan hak-hak orang lain dan menekankan dakwaan yang tidak benar ke atas orang-orang yang tidak bersalah. Kezaliman merupakan kekuasaan yang eksklusif bagi orang-orang yang gagah dan berkuasa. Ibn Khaldun mengingatkan kerajaan agar tidak menggunakan sebarang bentuk kekerasan dan paksaan ke atas rakyat. Hak milik seseorang tidak boleh diambil tanpa keizinan melainkan dengan pertukaran suka sama suka. Allah berfirman :

'Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (2:188).

Bentuk kezaliman dan ketidakadilan sosial adalah berbeza antara satu sama lain dari aspek tingkat kemusnahan yang diakibatkan kepada sesebuah peradaban. Yang paling buruk ialah paksaan bekerja terhadap rakyat dan monopoli ekonomi oleh golongan pemerintah.

One of the greatest injustices and one which contribute most to the destruction of civilization is the unjustified position of tasks and the use of the subjects for forced labor... Now, if they are obliged to work outside their own field and are used for forced labor unrelated to their ordinary ways of making a living, they no longer have any profit and are thus deprived of the price of their labor, which is their capital (asset). They suffer, and a good deal of their livelihood is gone, or even all of it. If these occurs repeatedly, all incentive to cultural enterprise is destroyed, and they cease utterly to make an effort. This leads to the destruction and ruin of civilization.

(Ibid., II:108)

Labor, as we shall mention, is the real source of earnings (makasib); when it is fruitless (fasadat) and goes unrewarded (majjanan), the hope of gain (makasib) is weakened and people refrain from work; the inhabitants scatter away, and 'umran disintegrates (fasadal- 'umran).

(Ibid., II:302)

Semua ini memusnahkan perkembangan kecerdasan manusia dari segi fizikal dan mental. Penindasan dan penganiayaan memudaratkan kerana ia membunuh semangat untuk menyara kehidupan. Apabila semangat ini luntur, mereka mengelakkan diri daripada berusaha untuk mencapai matlamat akhir. Ini akan melemahkan ekonomi negara yang akhirnya melemahkan '*umran*.

When people lose all hopes in reaping where they have sown, they would halt all striving, and 'umran is destroyed as a result. Thus, the dynasty, Ibn Khaldun warns, would ultimately pay with its own life for its acts of oppression...By killing the incentive to work, by halting all economic and 'umranic activity, the dynasty simply kills the very life blood from which it derives its livelihood.

(Firzly ,1973:241-242)

Ibn Khaldun menggariskan bahawa kemantapan ekonomi negara turut terjejas apabila golongan pemerintah memonopoli ekonomi kerana mereka bertindak dengan membeli barang pada kadar harga yang rendah dan menjualnya dengan tinggi. Pengecualian membayar cukai juga merugikan negara sekaligus menjelaskan kelangsungan sesebuah peradaban.

Kezaliman adalah salah di sisi agama dan dikritik keras oleh syariah kerana ia mencegah wujudnya '*salam*' (keamanan) dan membawa kerosakan dan kehancuran peradaban yang akhirnya mendorong kepada berlakunya penghapusan manusia. Inilah yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. apabila baginda mencegah kezaliman dan ketidakadilan. Di dalam Al-Quran, Allah S.W.T. telah memberi amaran berulang-ulang kali dengan mengingatkan manusia agar menjauhi kezaliman. '*Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil*' (5:8).

ii) Kelunturan Semangat '*Asabiyyah*

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kejatuhan sesebuah peradaban ialah kemerosotan semangat '*asabiyyah*'. Apabila '*umran badawi*' beralih kepada '*umran hadari*', manusia cenderung kepada kesenangan, kemewahan, dan hilang sifat keberanian di dalam

diri. Namun, kemewahan dan kemajuan ini tidak akan berkekalan. Semangat ini akan menjadi luntur disebabkan oleh dua faktor utama, iaitu monopoli kuasa oleh golongan pemerintah yang bersifat kuku besi ke atas rakyat dan budaya bermewah-mewah yang membelenggu pemerintah dan rakyat (Rosenthal, 1958, II:119).

Apabila pentadbiran negara mencapai tahap kestabilan, pemerintah menunjukkan kemegahan dan cenderung untuk tidak bergantung lagi kepada kumpulan dan rakyatnya. Untuk menjadi seorang pemerintah yang berkuasa mutlak, kekasaran yang diperlihatkan adakalanya mencapai tahap membunuh. Akibatnya, jumlah penyokongnya daripada kumpulan '*asabiyyah*' yang sama semakin berkurangan dan semangat '*asabiyyah*' semakin lemah.

Untuk mempertahankan kedudukannya dan kepentingannya, pemerintah memaksa dirinya untuk bergantung kepada para pengikut yang baru. Orang-orang luar inilah yang diberikan perhatian lebih dengan segala keperluan dipenuhi. Mereka dikurniakan kedudukan yang tinggi, menghalangi kumpulan serta rakyatnya sendiri daripada mendapatkan kedudukan yang sebenarnya menjadi milik mereka. Mereka juga disisih daripada jawatan yang suatu ketika dahulu menjadi milik mereka. Golongan pemerintah bertindak 'menganakemaskan' para pengikutnya yang baru. Beliau turut 'memilih bulu' dalam memberikan ganjaran dan penghormatan.

Hal yang serupa melanda generasi seterusnya kerana mereka mengikuti jejak langkah generasi sebelumnya. Perasaan hamba rakyat dibangkitkan oleh perasaan jijik dan sikap permusuhan terhadap pemerintah. Mereka membencinya dan menunggu masa untuk menjatuhkannya. Lantaran itu, semangat '*asabiyyah*' semakin lemah dan satu generasi ke

satu generasi. Keadaan ini merupakan suatu mala petaka bagi negara dan peradaban ibarat ‘duri dalam daging’. Kesemua ini membuka jalan ke arah kehancuran peradaban dan memperlihatkan berjangkitnya suatu penyakit yang amat sukar diubati. *‘Ibn Khaldun believed that the weakening of the ‘asabiyyah among civilized people indicates the approaching suicide of the society as a whole’* (The Oxford Encyclopedia of The Modern Islamic World, 1995, II:140).

Walaupun sesebuah peradaban tetap dapat bertahan dan meneruskan hayat di dalam situasi sebegini namun, *‘its substance dwindles like natural heat in a body that lack nourishment. Eventually the state reaches its destined time’* (Rosenthal, 1958, II:122).

iii) Kemunculan Pelbagai Puak dan Kelompok ‘Asabiyyah

Kewujudan pelbagai kelompok ‘*asabiyyah* ditanggapi oleh Ibn Khaldun sebagai salah satu penyebab yang bukan sahaja menghalang perkembangan sesebuah negara dan peradaban, tetapi juga melancarkan keruntuhan dan kejatuhanya. Beliau percaya bahawa setiap kumpulan mempunyai kepentingan dan ideologi tersendiri yang berbeza dengan kelompok-kelompok yang lain.

Kepentingan dan ideologi tersebut bukan sekadar berbeza, tetapi dalam banyak keadaan bertentangan antara satu sama lain. Percanggahan kepentingan dan ideologi ini akan mencetuskan konflik dan membawa perperangan. Implikasinya, akan tercetusnya ketidakstabilan sosial dan politik yang akan membawa perpecahan dalaman negara dan peradaban. Selain itu, menurut Ibn Khaldun kestabilan sosial dan politik merupakan prasyarat kepada perkembangan dan pertumbuhan negara dan peradaban (*Ibid.*, I:332-336).

Di samping itu, memandangkan kelompok-kelompok '*asabiyah*' ini tidak mempunyai pertalian darah secara langsung dengan golongan pemerintah, kekuatan semangat '*asabiyah*' semakin terhakis. Perasaan cinta akan negara dan peradaban tidak wujud di hati mereka. Jika ada pun, sedikit dan tidak dapat menjamin untuk mereka berusaha mempertahankan kedaulatan negara dan peradaban.

iv) Ketidakstabilan Politik dan Kelemahan Pemerintah

Sering terjadi dalam pemerintahan sesebuah negara apabila para wazir atau menteri akan menguasai takhta kerajaan setelah raja yang memerintah mangkat. Keadaan ini berlaku apabila putera raja yang masih kecil dilantik sebagai pewaris takhta dengan muslihat yang tertentu. Disebabkan raja yang dilantik tidak berupaya berperanan sebagai raja, ia akan diambil alih oleh penjaganya atau salah seorang menteri bapanya.

Orang yang berkenaan akan memperlihatkan bahawa beliaulah yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal kedudukan raja yang masih kecil itu. Kesempatan tersebut akan digunakan bagi mendapatkan kedaulatan untuk berkuasa penuh. Beliau berusaha menyisihkan raja tersebut daripada rakyatnya. Beliau juga bertindak memanjakan raja yang masih kecil itu dengan kehidupan yang bersenang-lenang dan berusaha menurut segala kehendak hati anak raja itu. Ini akan melalaikan raja daripada memikirkan soal pentadbiran negara. Keyakinan penuh diberikan kepada raja bahawa tugas raja di dalam kerajaan hanyalah bersemayam di atas singgahsana yang indah, disapa dengan gelaran yang indah dan berseronok dengan gundik-gundiknya. Suasana ini akan melahirkan pemerintah yang lemah akhlak.

Penjaganya atau menteri tersebut menguasai seluruh kehidupan raja. Semua urusan pentadbiran negara adalah di bawah kuasa menteri. Akibatnya, menteri mengambil alih kuasa kepimpinan dan pengaruhnya melebihi raja itu sendiri. Beliau bertindak mengekalkan kuasa tersebut secara turun-temurun kepada anggota keluarganya pula.

Kadangkala berlaku keadaan di mana raja yang tersisih dan dinafikan hak untuk berkuasa mula menyedari keadaan tersebut dan berusaha untuk merampas hak kedaulatan untuk dirinya dan keluarga. Sering juga berlaku di dalam sesebuah dinasti atau peradaban, perebutan dan rampasan kuasa di kalangan raja. Persengketaan yang berlaku kadangkala sampai ke tahap bunuh-membunuh sesama saudara. Mereka sanggup menggunakan apa-apa cara sekalipun bagi memiliki kuasa mutlak.

Mereka meninggalkan kehidupan padang pasir dan tahan lasaknya serta mencari kekuasaan melalui saingan sengit untuk menjadi pemimpin. Ini menyebabkan ada di antara mereka yang sanggup bunuh-membunuh. Raja telah bertindak menghalang perbuatan mereka dengan menghukum bunuh para pendekar dan para pembesar mereka. Maka para amir dan pembesar tidak lagi wujud, sedangkan jumlah pengikut dan orang bawahannya semakin bertambah. Tindakan sebegini telah menumpulkan sudut-sudut yang menjadi ketajaman negara, serta mengurangkan kekuatannya. Terjadilah keruntuhan pertama pada negara, iaitu keruntuhan melalui tentera dan pertahanan negara.

(Mukadimah Ibn Khaldun, 1995:366)

Apabila negara dilanda masalah ini, kawalan terhadap pertahanan negara terabai. Penjaga tanah-tanah jajahan melancarkan pemberontakan demi pemberontakan dalam usaha untuk membebaskan diri. Tindakan ini melemahkan kekuatan negara yang terungkap menerusi pengecilan garis sempadan dan jajahan takluk. Suasana ini mempercepat lagi proses kejatuhan peradaban.

The leaders of (the dynasty) often compete with each other. They quarrel, and are too weak to stand up and defend themselves against rivals and neighbors. The people of the border and remote regions often sense the weakness of the dynasty at their backs, and they show their strength. They eventually gain independent control over the districts in their possession. The ruler is too weak to force them back on the (right) path. Thus, the authority of the dynasty becomes narrower than it had been at the beginning.

(Rosenthal, 1958, II:126)

v) Budaya Bermewah-mewah

Di bawah tajuk ‘*Sedentary culture is the goal of civilization. It means the end of its life span and brings about its corruption*’, Ibn Khaldun menerangkan secara terperinci bagaimana kemewahan dan keselesaan hidup yang dikecapi manusia akhirnya meruntuhkan peradaban itu sendiri. ‘*Umran hadari* menghasilkan moral yang rosak, dipenuhi oleh korupsi yang akan membawa kelemahan dan kemerosotan negara.

When civilization reaches that goal, it turns towards corruption and starts being senile, as happens in the natural life of living beings. Indeed, we say that the qualities of character resulting from sedentary culture and luxury are identical with corruption.

(Ibid., II:296)

Townsmen are so immersed in the habit of luxury, pleasure-seeking, and worldliness, and so accustomed to indulge the desires, that their souls are stained with vice and many other blameworthy qualities, and to that extent they stray away from the path of virtue.

(Ibid., I:235)

Secara semula jadinya apabila kemewahan dan kemakmuran dapat dinikmati, ia akan menyebabkan mereka menuruti budaya hidup mewah. Dengan ini kejernihan dan kemurnian jiwa seseorang itu merosot. Dalam usaha memenuhi kehendak nafsu, manusia

menggunakan segala kualiti buruk dan pelbagai cara yang tidak bermoral yang ada pada dirinya. Jiwa mereka menerima pelbagai warna yang menggugat agama dan keperibadian mereka. Manusia tidak lagi dapat memelihara kecemerlangan agamanya. '*He then usually becomes corrupt with regard to his religion, also ... When the strength of men and his character and religion are corrupted, his humanity is corrupted, and he becomes, in effect, transformed (into an animal)*' (Ibid., I:297).

Pada pandangan Ibn Khaldun, apabila agama sebagai suatu kuasa sosial yang bersepadau dan satu kaedah kawalan sosial, kehilangan kesan dan pengaruh ke atas perlakuan manusia mengakibatkan ketidakstabilan individu dan masyarakat yang akhirnya mempengaruhi ketidakstabilan peradaban. Sentimen keagamaan yang lemah, ditokok oleh budaya bermewah-mewah akan memudahkan tersebarnya budaya *fasad* di dalam sesebuah peradaban, iaitu rasuah, fitnah, perzinaan, dan sebagainya.

Rasuah atau korupsi merupakan suatu gejala yang mudah tersebar. Ia melumpuhkan peraturan sosioekonomi. Rasuah juga menggugat pengagihan kekayaan secara teratur, mengayakan orang-orang yang tidak jujur dan memiskinkan orang-orang yang jujur.

Fitnah merupakan satu usaha mengadakan sesuatu keburukan terhadap diri orang lain tanpa bukti yang kukuh atau menokok tambah berita yang bertujuan untuk merosakkan nama baik seseorang itu. Islam menganggap bahawa ia merupakan faktor pemusnah terbesar yang boleh membawa huru-hara kepada masyarakat. Oleh sebab itulah, fitnah dianggap oleh al-Quran sebagai lebih dahsyat daripada membunuh. Hal ini kerana jenayah membunuh hanya bagi orang dan ketika yang tertentu, tetapi fitnah boleh menimbulkan huru-hara dan pertumpahan darah yang berpanjangan, mengorbankan banyak nyawa, dan harta benda.

Budaya bermewah-mewah juga hanya mendorong manusia kepada pengisian selera makan dan minum. Ini diikuti oleh pelbagai kepuasan seksual melalui pelbagai bentuk hubungan jenis.

Among the things that corrupt sedentary culture, there is the disposition toward pleasures and indulgence in them, because of the great luxury (that prevails). It leads to diversification of the desires of the belly for pleasurable food and drinks. This is followed by diversification of the pleasures of sex through various ways of sexual intercourse, such as adultery and homosexuality. This leads to destruction of the (human) species.

(Ibid., II:295)

Hal ini dapat dilihat dalam setiap peradaban manusia. Apabila keadaan sebegini berleluasa di dalam sesebuah peradaban, Allah S.W.T. mengizinkan peradaban tersebut dimusnahkan.

'Dan jika Kami hendak membina saka suatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya' (17:16).

3.3.2 Faktor Luaran

i) Penaklukan dan Penjajahan oleh Kuasa Luar

Kehancuran sesebuah negara dan peradaban disebabkan oleh penjajahan kuasa asing, menyebabkan kehancuran sesebuah negara dan peradaban. Faktor inilah yang amat berpengaruh dalam proses kejatuhan beberapa buah kerajaan besar di alam Melayu, seperti Funan, Champa, Patani, dan Peradaban Islam Melaka.

Funan merupakan sebuah kerajaan Melayu yang paling awal dikalahkan oleh bangsa Mon-Khmer dan Kerajaan Chenla dari utara. Kerajaan Champa pula mengalami kelemahan pada abad kelima belas dan keenam belas akhirnya dijajah oleh orang-orang Die Viets setelah bertahan selama kira-kira seribu lima ratus tahun. Kerajaan Islam Patani pula berjaya bertahan selama lebih kurang seribu enam ratus tahun dan akhirnya ditewaskan secara ketenteraan oleh bangsa T'ai dari utara. Hal yang sama juga berlaku kepada Peradaban Islam Melaka yang akhirnya tersungkur di bawah kuasa Eropah, iaitu Portugis (Wan Hashim Wan Teh, 1997:105-106).

Ibn Khaldun percaya keadaan sebegini terletak '*in the apathy that comes over people when they control of their own affairs*' (Rosenthal, 1958, I:300). Apabila manusia kehilangan kawalan terhadap urusan mereka sendiri, mereka menjadi terasing dan putus harapan. Harapan dapat merangsang tindakan, tetapi apabila sudah tiada harapan, tindakan dengan sendirinya akan terhenti. Seandainya kelunturan semangat '**asabiyyah**' digabungkan dengan keadaan masyarakat yang putus harapan, ia mempercepat lagi proses keruntuhan tersebut. Ibn Khaldun percaya bahawa setiap manusia memiliki kehendak semula jadi iaitu untuk memimpin dan menguasai orang lain. Apabila manusia dihalang daripada merealisasikan kehendak tersebut, malah dikuasai oleh orang lain, dia menjadi putus asa dan tidak bersemangat.

Tidak ada kepastian akan mencapai kemenangan dalam perang, meskipun mempunyai kelengkapan yang cukup dan bilangan anggota yang ramai yang membolehkan tercapainya kemenangan. Kemenangan dan lebih berkuasa dalam perang adalah berpunca daripada kemujuran dan kesempatan. Hal ini diterangkan oleh hakikat bahawa sebab-sebab lebih menguasai adalah, sebagaimana biasanya, suatu gabungan beberapa faktor. Faktor-faktor luarannya adalah seperti bilangan anggota tenteranya, cukup terlatih dan mempunyai alat persenjataan yang bermutu tinggi,

jumlah tentera yang berani, bijaksana dalam menyusun barisan tempur, taktik yang betul, dan hal yang serupa dengannya. Kemudiannya, terdapat faktor-faktor yang terselindung. Ia mungkin disebabkan tipu daya manusia, seperti tersebarnya berita yang mencemaskan dan desas-desus yang menyebabkan berlakunya perbuatan berpaling tadah.

(Mukadimah Ibn Khaldun, 1995:331-332)

3.4 PENUTUP

Keunggulan dan kehebatan Ibn Khaldun sebagai tokoh ilmuan tersohor menarik perhatian ramai tokoh sarjana timur dan barat. Ketokohnanya mencakupi pelbagai disiplin ilmu. Beliau merupakan pelopor kepada satu cabang ilmu pengetahuan baru, iaitu *Ilm al-'Umran* atau ‘sains mengenai peradaban umat manusia’. Bagi memahami idea-idea yang telah diketengahkan oleh beliau, beberapa elemen, seperti pendidikan dwidimensi yang diterimanya, peristiwa-peristiwa dan isu-isu yang melanda sepanjang hayatnya serta pengalaman kerjaya politiknya harus diberikan perhatian.

Di dalam karya agungnya, *Muqaddimah*, Ibn Khaldun mempersempahkan analisis beliau mengenai bangun jatuhnya peradaban manusia berdasarkan pemerhatian beliau terhadap dinasti-dinasti sewaktu hayatnya. Beliau berjaya mengenal pasti peringkat-peringkat kelahiran, perkembangan, kemerosotan dan seterusnya kejatuhan peradaban yang didasarkan kepada analogi pusingan hayat manusia. Peradaban manusia berkembang sebagai hasil kehendak semula jadi manusia kepada perhubungan sesama manusia dan mempertahankan diri daripada keganasan. Untuk berfungsi dengan baik, sesuatu masyarakat itu memerlukan satu sistem kawalan sosial.

Beliau menekankan bahawa masyarakat dan peradaban berkembang daripada yang tidak kompleks kepada yang lebih kompleks, daripada yang kurang sempurna kepada yang lebih sempurna, dan daripada yang tidak bersifat heterogeneous kepada yang bersifat sedemikian. Walau bagaimanapun, perubahan-perubahan ini mengambil tempoh yang panjang. Semangat '*asabiyyah*' dan pegangan kepada agama ialah unsur penting dan pra-syarat bagi sesuatu komuniti untuk membina sesebuah peradaban. Malah, penghayatan terhadap agama menjamin kelangsungan hayat sesebuah peradaban bagi suatu tempoh yang panjang.

Ibn Khaldun tidak sekadar membincangkan persoalan perkembangan peradaban manusia, malah turut mengetengahkan dua sumber keruntuhan peradaban tersebut, iaitu faktor dalaman dan penjajahan kuasa luar. Antara faktor-faktor dalaman tersebut ialah kelunturan semangat '*asabiyyah*', pembentukan terlalu banyak kumpulan '*asabiyyah*', kezaliman dan ketidakadilan sosial, kemewahan yang melenyapkan kesedaran beragama dan ketidakstabilan politik dan kelemahan pemerintahan. Penjajahan kuasa luar menjadi lebih mudah apabila mereka memiliki kekuatan semangat '*asabiyyah*' dan ketenteraan untuk menguasai peradaban yang menanti masa untuk gugur. Salah satu ciri utama teori beliau ialah penolakan dakwaan bahawa sesebuah peradaban dapat digiatkan dan kembali bertenaga selepas berlaku kemerosotan dan kelemahan.

NOTA HUJUNG

1. Terdapat banyak persamaan antara idea Ibn Khaldun dan Vico. Kedua-duanya bersetuju dengan perkembangan manusia daripada kehidupan primitif kepada kehidupan berperadaban. Sebagai contoh, Ibn Khaldun menggambarkan manusia sebagai berkembang daripada corak kehidupan yang ringkas dan tahan lasak kepada bermewah-mewah dan bersenang-lenang. Manakala, Vico pula menerangkan sifat semula jadi manusia bermula dengan tidak berbudi bahasa (kasar) kepada kebengisan (ketegasan), lemah-lembut (baik hati), halus (berhati-hati agar tidak menyinggung perasaan orang lain, keji dan tidak sopan. Empat langkah yang diketengahkan oleh Ibn Khaldun ialah keperluan, keselesaan, kemewahan, dan boros adalah seiring dengan enam langkah yang diperkenalkan oleh Vico, iaitu manusia pada awalnya merasakan keperluan, kemudian melihat kepada faedah, keselesaan, kemudian keseronokan dan hiburan, selepas itu tenggelam dengan kemewahan, akhirnya menjadi lupa diri dan membazirkan harta benda mereka. '*Men first feel necessity, then look for utility, next attend to comford, still later amuse themselves with pleasures, thence grow dissolute in luxury, and finally go mad and waste their substance*' (Mi'raj, 1980:205).
2. *Muqaddimah* telah diterjemahkan dan digunakan oleh ramai penulis. Namun , yang terkenal dan diterima pakai secara meluas ialah Franz Rosenthal (trans), 1958. *The Muqaddimah : An Introduction*, 3 vol., (Bolligen Series XLIII), New Jersey : Princeton University Press & New York : Pantheon Books. Penulis akan menggunakan sumber ini sebagai rujukan utama.
3. De Slane telah menterjemahkan '*asabiyyah*' sebagai *esprit de corps*, Issawi sebagai *social solidarity*, dan Rosenthal sebagai *group feelings*. H.K. Sherwani (1952:140-142) dalam kritikannya terhadap terjemahan Rosenthal terhadap *Muqaddimah* menyatakan '*To say that it merely means 'group feeling' is to minimize the importance of the positive meaning given to it by Ibn Khaldun. To him, 'asabiyyah is the active 'group mind' not the passive 'group feeling' and is very far from tha abstract 'solidarity' of Issawi'*.

4. Ibn Khaldun percaya bahawa setiap sesuatu di dalam dunia ini muncul, kemudiannya runtuh. Ilmu-ilmu pertukangan dan prestij kesemuanya muncul dan kemudiannya musnah (Rosenthal, 1958, I:278-281). Kepimpinan juga tertakluk kepada undang-undang ini. Pandangan Ibn Khaldun ini mempunyai persamaan dengan konsep yang diketengahkan oleh Pareto '*circulation of elites*'. Golongan elit yang gagah dan berkuasa perlahan-lahan menjadi lemah dengan lemahnya semangat '**asabiyyah**' dan menurut tuntutan nafsu terhadap kemewahan. Golongan elit ini akhirnya menjadi lemah dan digantikan dengan golongan elit yang baru.
5. Daripada perbincangan ini dapat disimpulkan bahawa lima peringkat perkembangan itu adalah selari dengan tiga fasa atau generasi. Dua peringkat awal adalah selari dengan fasa kelahiran, peringkat ketiga adalah generasi bertamadun dan dua tahap yang akhir melambangkan kemerosotan dan kejatuhan. Dapat diperhatikan juga bahawa faktor-faktor yang membawa kemerosotan dan kejatuhan berfungsi sejak di peringkat kedua dan ketiga, apabila kuasa politik secara mutlak terbina dan semangat '**asabiyyah**' semakin luntur.